

KEMAHIRAN INFORMAL KOMUNITI ORANG ASLI SUKU KAUM JAKUN DALAM BIDANG PELANCONGAN

INFORMAL SKILL AMONG ORANG ASLI COMMUNITY OF JAKUN TRIBES IN TOURISM SECTOR

Rohayu Roddin¹

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (UTHM), Malaysia
(Email: rohayu@uthm.edu.my)

Yusmarwati Yusof²

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (UTHM), Malaysia
(Email: marwati@uthm.edu.my)

Marina Ibrahim Mukhtar³

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (UTHM), Malaysia
(Email: marina@uthm.edu.my)

Syamnor Syaza Dania Badrol Hisham⁴

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (UTHM), Malaysia
(Email: ssdaniahisham@gmail.com)

Accepted date: 23-04-2019

Published date: 30-06-2019

To cite this document: Roddin, R., Yusfo, Y., Mukhtar, M. I., & Hisham, S. S. D. B. (2019).
Kemahiran Informal Komuniti Orang Asli Suku Kaum Jakun dalam Bidang Pelancongan.
Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management, 4(15), 44-56.

DOI: 10.35631/JTHEM.415005

Abstrak: Pelancongan merupakan salah satu bidang yang boleh dijadikan strategi dalam menjana pendapatan komuniti setempat. Melalui pelancongan, komuniti mampu meraih pendapatan melalui kemahiran informal yang mereka miliki. Komuniti Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Peta yang terletak berhampiran dengan Taman Negara Endau-Rompin merupakan salah satu suku kaum asli yang menggunakan kemahiran informal mereka dalam menghasilkan pendapatan melalui bidang pelancongan. Melalui kajian kes yang dilaksanakan, seramai 5 orang peserta kajian dari komuniti Orang Asli ini telah ditemubual dan di sokong dengan temubual bersama 2 orang kakitangan dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) daerah Mersing. Hasil dari temu bual kajian menunjukkan bahawa kemahiran seperti pemandu bot, pemandu pelancong, penghasilan kraf tangan, aktiviti kebudayaan dan penghasilan makanan mampu menjadi tarikan pelancong yang menyumbang sumber pendapatan kepada komuniti ini. Oleh kerana mereka tinggal berdekatan dengan Taman Negara, ia turut menjadi suatu kelebihan kepada mereka kerana berjaya menarik kedatangan pelancong ke penempatan mereka. Justeru, melalui aktiviti pelancongan secara tidak langsung membantu komuniti ini menjana pendapatan hasil dari kemahiran informal mereka yang diterjemahkan dalam bentuk barangan dan juga perkhidmatan. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada komuniti Orang Asli yang lain dalam menggunakan kemahiran mereka sebagai satu kelebihan dalam menghasilkan pendapatan.

Kata Kunci: Kemahiran Informal, Orang Asli, Pelancongan

Abstract: *Tourism is one of the areas that can be used as a strategy in generating local community income. Through tourism, communities are able to earn income through the informal skills they have possessed. The Orang Asli community of Jakun in Kampung Peta that located near Endau-Rompin National Park is one of the indigenous tribes who use their informal skills in generating income through tourism. Through a case study, five participants from the Orang Asli community were interviewed and supported by two staff from the Orang Asli Development Department (JAKOA) of Mersing district. The results of the interviews showed that skills such as boat drivers, tourist guides, handicraft production, cultural activities and food production can be a tourist attraction that contributes to the income of this community. As they live close to the National Park, it is also an advantage to them as it attracts tourist arrivals to their local area. Hence, through tourism activities indirectly help these communities generate income derived from their informal skills that are translated in the form of goods and services. This study is expected to be a reference to the other indigenous communities in using their skills as an advantage in generating income.*

Keywords: *Informal Skill, Indigenous People, Tourism*

Pengenalan

Pelancongan dianggap sebagai satu strategi pembangunan yang mudah dan cepat untuk mendapatkan tukaran wang asing berbanding dengan strategi pembangunan yang lain kerana sumber-sumber pelancongan telah tersedia di sesebuah destinasi. Malahan penduduk tempatan juga berupaya menjadi aset pelancongan yang dapat menarik perhatian pelancong kerana keunikan budaya, cara hidup dan adat setempat. Banyak komuniti di negara-negara membangun mempunyai keperluan untuk menyara kehidupan mereka menggunakan sumber-sumber yang terdapat dalam komuniti mereka sendiri (Kalsom, Nor Ashikin dan Mohamad Amin, 2004). Justeru, bidang pelancongan adalah salah satu pendekatan yang boleh menjadi sumber pendapatan bagi kaum Orang Asli khususnya dan komuniti lain amnya.

Pelancongan banyak membawa kesan positif terutama kepada komuniti miskin memandangkan pembangunan pelancongan tidak memerlukan modal yang besar dan memadai dengan mengembangkan potensi yang ada dalam komuniti tersebut. Penyertaan komuniti adalah penting dalam menggerakkan aktiviti pelancongan. Ketersediaan komuniti tempatan adalah penting untuk melalui proses transformasi sosial dan juga ekonomi (Yahaya, 2008; Yahaya, 2009; Mathieson dan Wall, 1991). Telah banyak bukti menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan banyak memberi faedah kepada komuniti tersebut. Namun terdapat permasalahan yang perlu difikirkan di mana kejayaan mereka dalam industri ini tidak dipantau dengan baik yang menyebabkan faedah sebenar mereka tidak dapat diukur. Terlalu sedikit kajian yang dilakukan untuk mengetahui sumbangannya terhadap pemuliharaan mata pencarian komuniti tempatan (Goodwin dan Santilli, 2009). Oleh yang demikian, pemantauan dan sokongan adalah perlu bagi membantu komuniti Orang Asli mengecapi faedah dari aktiviti pelancongan secara berterusan. Antara perkara yang perlu disokong adalah kemahiran informal yang dimiliki oleh setiap suku kaum orang asli yang terdapat di Malaysia. Setiap suku kaum memiliki kemahiran informal tersendiri yang unik yang perlu dipelihara dan seterusnya diketengahkan agar memberi manfaat yang optima, bukan sahaja kepada orang asli, tetapi juga masyarakat sejagat.

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan meneroka kemahiran informal komuniti Orang Asli suku kaum Jakun yang boleh dijadikan satu tarikan dalam aktiviti pelancongan di Kampung Peta.

Komuniti Orang Asli Di Malaysia

Orang Asli adalah penduduk terawal di Semenanjung Malaysia iaitu sejak kira-kira 5,000 tahun yang lalu. Asal usul mereka dikatakan dari Negeri China dan Tibet yang menyusul laluan penghijrahan melalui tanah besar Asia Tenggara sebelum bertapak di Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Indonesia. Kini, Orang Asli merupakan kelompok minoriti masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia (Nicholas, 2000). Istilah Orang Asli mula diperkenalkan dalam bahasa Melayu pada tahun 1950an yang bertujuan untuk merujuk kepada beberapa kelompok kecil manusia khususnya yang mendiami kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan pinggirannya di Semenanjung Malaysia. Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, masyarakat Orang Asli lebih dikenali sebagai Sakai, Semang dan Jakun. Perkataan 'sakai' diertikan sebagai 'hamba'. Dalam bahasa Temiar 'sakai' diertikan sebagai orang yang bekerja dengan orang lain. Maka amatlah tidak wajar jika menamakan Orang Asli sebegitu. Bagi menggantikan istilah-istilah tersebut, istilah-istilah lain seperti Orang Darat, Orang Dalam, Orang Dusun, Orang Hutan dan sebagainya digunapakai. Namun sejak tertubuhnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada tahun 1950, istilah-istilah tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan 'Orang Asli' (Muzium Pribumi, 2007).

Terdapat 18 suku kaum Orang Asli di Malaysia yang terdiri dari tiga suku bangsa iaitu Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Suku kaum Jakun adalah merupakan orang asli dari kelompok Melayu Proto. Kehidupan mereka mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu. Kebanyakan orang Asli Jakun masih berpegang kuat kepada kepercayaan animisme. Kehidupan mereka banyak dipengaruhi oleh alam sekitar seperti gunung, bukit, lembah, sungai, batu, gua dan sebagainya. Selain itu, mereka juga percaya bahawa kampung mereka akan dilanda bencana sekiranya ada di antara mereka yang melanggar pantang larang (JAKOA, 2016).

Menurut Muzium Seni Kraf Orang Asli (2005), selepas berlakunya banjir besar pada tahun 1971, penduduk kampung berpindah ke kawasan yang lebih tinggi dengan bantuan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Kawasan yang didiami oleh mereka sesuai untuk pertanian. Selain itu, kegiatan utama penduduk Kampung Peta ialah bercucuk tanam, memburu dan menangkap ikan serta mengumpul hasil-hasil hutan. Ada juga segelintir penduduk yang bekerja sebagai pemandu pelancong, pemandu bot, kakitangan kerajaan dan ada juga sebahagian kecil bekerja di bandar seperti Kluang dan Mersing sebagai pekerja kilang. Menurut Jamiran, Seow dan Mohamed (2013) pula, Kampung Peta merupakan salah sebuah perkampungan orang Asli yang dibangunkan semula di bawah Program Penempatan Tersusun yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA) yang dahulu dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Penempatan mereka sekarang adalah bersebelahan dengan pintu masuk ke Taman Negara Endau-Rompin. Kedatangan pelancong ke Taman Negara secara tidak langsung telah memberi kesan positif kepada penduduk Kampung Peta. Selain itu, keinginan masyarakat luar yang ingin merasai serta menghayati kehidupan komuniti Orang Asli menyebabkan komuniti ini mengambil peluang untuk turut serta dalam proses pembangunan industri pelancongan tempatan yang dapat memberikan sumber pendapatan kepada mereka. Oleh itu, beberapa Orang Asli telah mula melibatkan diri dalam bidang pelancongan kerana ia dapat mendatangkan sumber pendapatan baru kepada mereka berdasarkan kemahiran, ilmu pengetahuan yang sedia ada bagi menarik minat pelancong untuk menikmati, melihat dan menghargai gaya hidup mereka (Ahmad Zam Zam 2015).

Taman Negara Endau-Rompin mempunyai keluasan 49,000 hektar yang meliputi tiga dataran daerah iaitu Mersing, Segamat dan juga Rompin (Jamiran, Seow & Mohamed, 2013). Taman Negara ini telah menjadi salah satu daya tarikan pelancong ke Selatan Semenanjung Malaysia kerana hutannya yang kaya dengan keunikan alam flora dan fauna selain alam budaya tradisional orang Asli Jakun khususnya di Kampung Peta sejak kurun ke-19 lagi. Kampung Peta didiami oleh Orang Asli dari suku kaum Jakun. Kampung ini terletak jauh di pedalaman iaitu kira-kira 50 kilometer dari persimpangan jalan Kluang-Mersing. Petempatan ini hanya dihubungkan melalui sebatang jalan berturap yang menjadi laluan kenderaan berat yang membawa muatan hasil keluaran ladang kelapa sawit. Walaupun kampung ini jauh di pedalaman, pelancong boleh melawat melalui jalan darat dengan mudah.

Kemahiran Informal Komuniti Orang Asli

Kemahiran informal ialah kemahiran yang dilakukan secara spontan dan tanpa berstruktur. Menurut Hashim, Razali dan Jantan (2007), maksud kemahiran informal adalah perlakuan belajar yang terlaksana secara tidak langsung atau secara tidak sedar. Kemahiran ini diperolehi dengan cara melihat dan mencuba secara berterusan seperti menjahit, menganyam, memasak dan sebagainya. Selain itu, interaksi dengan masyarakat juga boleh dikategorikan sebagai kemahiran informal.

Merujuk kepada komuniti Orang Asli juga, mereka mempunyai kemahiran informal yang dipelajari secara tidak langsung dari nenek moyang mereka di samping pendedahan yang diberikan daripada pihak JAKOA atau pengalaman dengan masyarakat luar. Kegiatan harian juga memberi satu kelebihan kepada komuniti Orang Asli terhadap kemahiran berkaitan alam semulajadi. Menurut Ramlee (2008), Orang Asli dikenali sebagai masyarakat yang bergantung hidup kepada hutan dan persekitaran semulajadi dengan menjalani kegiatan ekonomi sara diri, seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan serta menangkap ikan. Norasmah dan Mohd. Hasri (2011), turut menjelaskan bahawa pertanian sara diri merujuk kepada pertanian secara kecil-kecilan yang biasa diusahakan disekitar rumah sahaja. Mereka juga menanam pelbagai jenis tanaman lain seperti padi huma, padi sekoi, ubi kayu, tembakau, jagung, tebu, serai, termasuk buah-buahan seperti pisang, durian, rambutan dan sebagainya. Ada juga di antara mereka yang masih mengamalkan sistem barter dengan menukar hasil pertanian bagi mendapatkan barang keperluan harian. Aktiviti berburu merupakan pekerjaan kedua bagi masyarakat Orang Asli. Antara hasil buruan ialah tupai, landak, kera, biawak, pelanduk, babi hutan, ayam hutan, burung dan sebagainya. Daripada hasil buruan tersebut akan dijual pada peraih yang datang untuk dijadikan sajian makanan eksotik. Disamping itu, mereka juga menjalankan aktiviti menangkap ikan dan dijual pada pemborong sebagai sumber pendapatan untuk menyara keluarga.

Selain itu, sumber pendapatan lain bagi masyarakat Orang Asli ialah dari hasil hutan. Antara hasil hutan yang dijadikan sumber pendapatan ialah rotan, buluh, kayu cendana, damar dan akar-akar kayu. Barangan ini mempunyai nilai yang tinggi di pasaran. Rotan dan buluh dijadikan alat perabot yang tinggi nilai komersilnya di pasaran manakala akar kayu seperti kayu cendana dijadikan minyak wangi. Akar kayu lain seperti Kacip Fatimah dan Tongkat Ali pula kerap digunakan untuk perubatan secara tradisional di mana mendapat permintaan tinggi dari pemborong dan pengamal perubatan tradisional. Ada juga masyarakat Orang Asli yang mencari petai, kerdas atau jering untuk dijadikan sebagai ulam dan dijual ditepi-tepi jalan dan pasar. Orang Asli juga mempunyai kemahiran dalam mendapatkan madu lebah. Hasil hutan yang diperolehi akan dijual kepada orang tengah dengan harga yang rendah (Norasmah dan Mohd. Hasril, 2011).

Masyarakat Orang Asli mempunyai kelebihan yang tersendiri di mana kelebihan ini boleh digilap sebagai salah satu tarikan kepada pelancong (Adi, Hood dan Rashid, 2006). Antara kelebihan yang ada dalam komuniti ini adalah aktiviti seni dan kebudayaan seperti sewang, seni dan kreativiti, penciptaan alat muzik serta kraf tangan. Budaya peribumi atau Orang Asli telah menjadi tarikan kuat kepada pelancong dan keadaan ini telah menarik perhatian usahawan pelancongan, agensi-agensi kerajaan dan ahli akademik. Dari perspektif ekonomi, Orang Asli dilihat sebagai mempunyai kelebihan menerusi pelancongan yang berdaya saing berdasarkan budaya mereka yang unik, layanan dan adat tradisi mereka. Pelancongan dilihat sebagai sumber pendapatan bagi komuniti Orang Asli. Kegiatan pelancongan mempunyai hubungan antara pengekal budaya dan ekonomi saling bergantung di mana budaya dilihat mampu menyumbang kepada kejayaan ekonomi dan kejayaan ekonomi menyumbang kepada pengekal budaya (Hinch dan Butler, 2007).

Menurut Shaw dan Williams (1997), elemen penting yang menjadi tarikan kepada pelancong adalah melibatkan perkara fizikal iaitu kraf tangan, tradisi, sejarah kawasan/wilayah, seni bina, makanan tempatan, seni dan muzik, cara hidup, agama, bahasa dan pakaian tradisi. Kraf tangan dan tradisi menjadi salah satu elemen yang boleh menarik kedatangan pelancong. Elemen ini merupakan satu kekuatan kepada komuniti Orang Asli yang mempunyai kraf tangan yang unik dan budaya tradisi yang menarik. Ia turut disokong melalui dapatan kajian Rohayu (2016), yang menyatakan bahawa kemahiran yang terdapat dalam komuniti Mah Meri di Pulau Carey seperti kemahiran menganyam, mengukir dan menari yang diwarisi dari nenek moyang mereka telah memberi sumber pendapatan baru kepada mereka sebagai tarikan pelancongan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemahiran informal yang dimiliki oleh komuniti Orang Asli boleh diketengahkan sebagai satu produk pelancongan yang menarik dan mampu menarik kedatangan pelancong secara berulang.

Masyarakat Orang Asli merupakan kumpulan kaum yang hidup dalam kelompok sosial yang unik. Berdasarkan suku kaum yang pelbagai serta perbezaan faktor bahasa, kebudayaan, adat resam dan keadaan fungsi ekonominya, rakyat Malaysia dapat menyaksikan kepelbagaian budaya dan kesenian Orang Asli mengikut suku kaum masing-masing. Sebagai langkah menengahkan budaya dan kesenian Orang Asli, pelbagai persembahan kebudayaan dan kesenian diselenggarakan di majlis-majlis keramaian, seminar-seminar dan sambutan perayaan di Malaysia. Kerjasama dan penglibatan di kalangan masyarakat Orang Asli begitu menggalakkan hingga ada di antara persembahan mereka dijadikan acara tahunan Malaysia (Adi, Hood dan Rashid, 2006).

Di Malaysia, kebanyakan Orang Asli yang terlibat dengan aktiviti pelancongan memperkenalkan produk kraf tangan, tarian kebudayaan dan menjadi pemandu pelancong bagi komuniti yang berada di kawasan eko pelancongan. Usaha dan penglibatan mereka telah membuka ruang kepada kerajaan dengan menganjurkan karnival usahawan dan kebudayaan Orang Asli bagi mempromosi produk keluaran Orang Asli dan kebudayaan mereka kepada masyarakat umum yang secara tidak langsung dapat membantu mempromosi setiap kelompok orang asli dan dapat menjana pendapatan yang lebih baik.

Sementara itu, bagi masyarakat Jakun pula, kegiatan utama mereka ialah bercucuk tanam, memburu dan menangkap ikan serta mengumpul hasil hutan (MSKOA, 2005). Selain itu, segelintir dari komuniti ini bekerja sebagai pemandu pelancong dan pemandu bot untuk membawa pelancong untuk melihat keindahan alam semulajadi. Komuniti ini juga turut menjalankan aktiviti kesenian mereka sendiri seperti menyanyi, menari dan juga berpantun.

Aktiviti yang dijalankan ini secara tidak lansung dapat membuka peluang pekerjaan kepada mereka sekaligus meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Metodologi Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes. Kaedah temubual digunakan dalam kajian ini melibatkan lima orang peserta kajian yang terdiri dari masyarakat Orang Asli Jakun, Kampung Peta dan dua orang peserta sokongan dari Jabatan Kemajuan Orang Asli daerah Mersing. Kod 'PK' diberikan kepada peserta kajian manakala kod 'PS' diberikan kepada peserta sokongan kajian. Perincian peserta kajian adalah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Peserta Kajian

Bil.	Peserta kajian	Kod	Umur	Pengalaman Kerja
1	Orang Asli	PK1	61 tahun	Lebih 30 tahun
2	Orang Asli	PK2	58 tahun	Lebih 30 tahun
3	Orang Asli	PK3	26 tahun	Lebih 5 tahun
4	Orang Asli	PK4	31 tahun	Lebih 10 tahun
5	Orang Asli	PK5	23 tahun	Lebih 5 tahun
6	Kakitangan JAKOA	PS1	41 tahun	Lebih 10 tahun
7	Kakitangan JAKOA	PS2	30 tahun	Lebih 10 tahun

Sumber: Hasil Kajian, 2017

Perisian *transcriber Sony Digital Voice Editor* telah digunakan bagi membantu dalam mendengar dan mencatat temubual yang dilakukan. Setelah transkrip siap, data dipindahkan ke dalam bentuk *word document*. Pengkaji perlu membersihkan, menyaring dan menyusun data sebelum dipindahkan ke dalam perisian *NVivo versi 11* sebagai sistem pengkomputeran yang membantu mengurus data temubual. Perisian *NVivo* membantu dalam menghubungkan kait antara sub tema yang diperolehi dan disusun menjadi satu tema

Proses seterusnya ialah memahami data untuk menghasilkan kategori, tema dan sub tema. Proses ini bermula dengan mendapatkan gambaran keseluruhan yang dibaca dari transkrip, memilih satu transkrip yang menarik dan terpendek, menyediakan topik-topik dan mengelompokkan mengikut topik, menukar topik kepada kod-kod tertentu dan menulis kod kepada segmen yang sesuai.

Seterusnya, melihat topik yang mempunyai deskripsi yang jelas dan terbaik, menjadikannya kategori-kategori dengan mengelompokkan topik-topik yang berkaitan antara satu sama lain, membuat keputusan muktamad tentang *abbreviasi* untuk setiap kategori dengan mengkodkan dengan tema-tema tertentu dan akhir sekali kumpulkan data mengikut kategori dan jalankan analisis dan buat pengkodan semula ke atas data sedia ada jika dirasakan perlu. Kaedah analisis data ini dikenali sebagai kaedah pengkodan. Mengikut Chua (2008), ianya merupakan satu kaedah pengelasan data dalam kategori mengikut corak dan tema tertentu.


Dapatan Kajian

Dari temu bual yang dilaksanakan, didapati kemahiran informal komuniti orang Asli Jakun ini dalam sektor pelancongan meliputi empat perkara iaitu menjadi pemandu bot atau pelancong, penghasilan kraf tangan, aktiviti kebudayaan dan penghasilan makanan yang unik (Rujuk Rajah 1). Jadual 2 menunjukkan hasil penemuan kajian yang melibatkan temubual bersama lima orang peserta kajian.

Jadual 2: Kemahiran Suku Kaum Jakun dalam Aktiviti Pelancongan

Bil	Kriteria	Peserta Kajian				
		PK1	PK2	PK3	PK4	PK5
1	Pemandu Bot / Pelancong	-	/	/	/	-
2	Kraf Tangan	/	/	-	-	-
3	Kebudayaan / Tarian	/	/	/	/	/
4	Makanan	/	/	/	-	-

Seramai tiga peserta kajian didapati berkemahiran sebagai pemandu bot atau pemandu pelancong. Selain itu, seramai dua peserta kajian pula mempunyai kemahiran dalam kraf tangan. Kraf tangan didapati menjadi tarikan utama dalam bidang pelancongan. Empat orang peserta kajian menyatakan bahawa kebudayaan seperti amalan hidup dan tarian merupakan kemahiran mereka yang dapat menarik kedatangan pelancong. Antara tarikan lain yang dapat ditingkatkan dalam bidang pelancongan ialah melalui penghasilan makanan yang unik iaitu seperti kemahiran yang dimiliki oleh tiga orang peserta kajian.



Rajah 1: Kemahiran Informal Suku Kaum Jakun Kampung Peta

Sub topik seterusnya menerangkan dengan lebih terperinci hasil dapatan yang diperolehi meliputi empat kemahiran yang telah dikenalpasti.

Pemandu Bot atau Pelancong

Pemandu bot atau pelancong merupakan salah satu kemahiran informal yang utama dalam meningkatkan bidang pelancongan. PK2 menyatakan bahawa pelancong menganggap orang Asli ini memang berkemahiran untuk berjalan dalam hutan tanpa perlu peralatan atau perkakasan untuk membantu keluar dari hutan.

“....bagi orang luar, orang Asli kononnya, pandai....masuk hutan, tak payah pakai

kompass...tak payah pakai plan, lepas...” PK2

PK3 memang bekerja sebagai pemandu pelancong secara bersendirian. Beliau menyediakan pakej jika pelancong berminat untuk belajar cara hidup dalam hutan tetapi PK4 menyatakan terdapat sedikit masalah kerana kekurangan pemandu yang berkemahiran kerana tidak fasih berbahasa Inggeris.

“.....saya buat untuk sendiri – sendiri pelancongan...sebab contoh mat saleh...saya kalau tengok ramai laa macam contoh 20 – 30 orang tu saya kurang sampai ke RM300 lebih...tapi kalau dua orang, satu orang mahal sikit laa...RM300 lebih satu orang...kalau macam satu orang datang, kalau saya punya aktiviti termasuk complete laa...RM1000 lebih laa...” PK3

“.....sekarang tu kita ada masalah kekurangan guide yang berkemahiran laa...” PK4

Pernyataan ini turut disokong oleh PS1 yang menyatakan bahawa orang Asli ini memang berkemahiran sebagai pemandu pelancong dan juga pemandu bot.

*“.....kemahiran informal untuk orang Asli ni selalunya pemandu pelancong, pemandu bot....
PS1*

PS2 juga menyokong dengan menyatakan bahawa pelancong memang akan menggunakan khidmat orang Asli sebagai pemandu pelancong jika hendak masuk ke dalam hutan.

“....kebanyakannya orang kita menggunakan khidmat dia orang sebagai guide pelancong laa...” PS2

Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelancong sememangnya menggunakan khidmat Orang Asli untuk meneroka hutan. Hal ini kerana pelancong menganggap komuniti Orang Asli ini memang berpengetahuan dengan persekitaran mereka. Dapatan kajian ini selari dengan kajian daripada Ibrahim, Mohamad dan Ahmad (2008) yang menyatakan bahawa Kampung Peta sangat sesuai dijadikan destinasi pelancongan alam semulajadi kerana mempunyai komuniti Orang Asli yang kaya dengan pengetahuan persekitarannya.

Kraf Tangan

Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia (2019) menyatakan bahawa kraf tangan bermaksud artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan ia merupakan hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan. PK1 menyatakan bahawa orang Asli berkemahiran membuat anyaman seperti kelarai, bunga dan sebagainya.

“...anyaman memang orang sini ada buat juga laa, anyam kelarai, anyam bunga ni semua ada laa...” PK1

PK1 dan PK2 menyatakan bahawa kraf tangan merupakan salah satu tarikan utama dalam bidang pelancongan. Pernyataan mereka disokong oleh PS1 dan PS2 bahawa kraf tangan merupakan antara produk komuniti Orang Asli yang dapat menarik pelancong.

“...dia ada kraf tangan yang kita panggil kelarai, tapi kat sini kelarai tak ada pula....dulu ada dekat sini....kelarai tu dia macam dinding yang dianyam yang bentuk macam ketupat tapi menggunakan rotan...” PS2

“.....kemahiran informal untuk orang Asli ni selalunya kraf tangan...” PS1

Dapatan hasil kajian ini menyatakan bahawa kraf tangan merupakan satu produk yang dapat menarik minat pelancong dan ia disokong oleh kajian Mohammad Aslam & Abdullah (2004) yang menyatakan bahawa komuniti Orang Asli begitu memanfaatkan segala bahan mentah yang ada di kawasan sekeliling, malah mereka kreatif dalam mengitar semula bahan terbuang. Menurut Sahdan, Che Rose dan Ahmad (2009) pula, budaya menghasilkan kraf tangan masih diamalkan sepenuhnya oleh kaum lelaki dan wanita. Oleh itu, kraf tangan sememangnya produk yang dapat menarik minat pelancong dan dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Kebudayaan

Kebudayaan merupakan satu kemahiran yang ada pada komuniti Orang Asli sejak azali lagi. Menurut Muzium Kraf Orang Asli (2005), komuniti Orang Asli Jakun juga turut mempunyai aktiviti-aktiviti kesenian mereka yang tersendiri untuk berhibur selepas penat bekerja untuk menampung kehidupan seharian. Kebanyakan pelancong datang untuk melihat keunikan kebudayaan mereka seperti adat resam, adat berpakaian tradisional, adat berkahwin dan sebagainya yang berlainan dengan kaum lain, iaitu seperti yang dinyatakan oleh PK2 dan PK5;

“....tentang adat resam, tentang budaya dia...” PK2

“...kat sini kalau berkahwin...bersanding, pastu...ada laa adat-adat dia...adat orang Asli...” PK5

PS1 menyokong dengan menyatakan bahawa pelancong memang berminat dengan kebudayaan komuniti orang Asli.

“....berminat dari segi kebudayaan...” PS1

Selain itu, menurut Bon et al., (2003), tarian tradisional masyarakat orang Asli mempunyai pelbagai jenis yang diwarisi oleh mereka. PK1 menyatakan bahawa tarian dan lagu memang merupakan salah satu tarikan pelancong.

“....tarian pun ada, lagu Abang Pelanduk ada tarian dia...” PK1

PK3 pula menyatakan bahawa pelancong berminat dengan tarian yang dimiliki oleh komuniti orang Asli.

“...tarian kebudayaan memang dia orang minat...” PK3

PK4 menyatakan bahawa komuniti Orang Asli berkemahiran dalam tarian yang sangat unik yang menarik minat pelancong.

“....kemahiran tarian, pengetahuan alam semulajadi...” PK4

PS1 turut menyokong dengan menyatakan bahawa pelancong berminat dengan tarian komuniti orang Asli.

“....berminat dari segi tarian....” PS1

Selain itu, pernyataan ini juga turut disokong oleh PS2 yang menyatakan bahawa pelancong minat dengan tarian komuniti orang Asli kerana pelancong dapat melihat penari menggayakan pakaian tradisional yang menampakkan cara hidup komuniti orang Asli zaman dulu kala.

“...pasal dia orang akan nampak tarian dia di mana penari dia memakai pakaian tradisi lama menampakkan cara hidup dia zaman dulu laa...” PS2

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebudayaan merupakan kemahiran yang dimiliki oleh komuniti suku kaum Jakun sejak dari nenek moyang mereka lagi. Kebudayaan yang dimiliki oleh komuniti ini dapat menarik minat pelancong untuk merasai keunikan yang ada pada mereka. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Mohd Sam (2015), yang menyatakan bahawa warisan budaya suku kaum Jakun dilihat boleh menyumbang dalam sektor ekonomi terutamanya sektor pelancongan yang telah meningkat pembangunannya dari tahun ke tahun disebabkan oleh kedatangan pelancong asing untuk melihat sendiri keunikan budaya masyarakat di negara kita.

Tarian juga merupakan salah satu kemahiran informal yang dapat meningkatkan bidang pelancongan. Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian daripada Ibrahim, Mohamad dan Ahmad (2008) yang menyatakan bahawa pelancong dapat menyaksikan kehidupan komuniti Orang Asli Jakun ketika berada di Kampung Peta. Selain itu, pelancong juga dapat mengagumi kebolehan komuniti Orang Asli bermain alat muzik moden seperti gitar, keyboard dan gendang sambil menyanyikan lagu-lagu popular bukan Orang Asli.

Penghasilan Makanan

Makanan merupakan satu bahan yang boleh dimakan dalam bentuk pepejal atau cecair dan merupakan keperluan asas manusia. PK1 menyatakan bahawa pelancong berminat dengan makanan Orang Asli iaitu makanan menggunakan herba yang sangat unik yang tidak dapat di tempat lain.

“...dia berminat kalau ada makanan orang kampung ni...” PK1

PK2 menyatakan bahawa pelancong sanggup membayar mahal untuk merasai makanan tradisional seperti masakan ayam dalam buluh dan buah kuinin.

“.....kita ada makanan tradisional masak dalam buluh...orang sanggup bayar sebatang buluh RM200 untuk nak cuba....ayam, daun selawat, daun buah kuinin, bahan – bahan dari hutan laa...” PK2

PK3 menyatakan bahawa pelancong memang berminat dengan makanan yang dimasak dengan menggunakan herba.

“.....survival skills, kita punya makanan-makanan, rotan-rotan, herba-herba...” PK3

PS2 turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa pelancong berpendapat bahawa komuniti Orang Asli lebih tahu makanan yang berkhasiat berbanding kaum lain.

“....dari segi makanan, dia orang lagi banyak yang tahu makanan daripada kita....makanan hutan apa semua kan...akar kayu apa semua...” PS2

Dapatan kajian ini mendapati bahawa makanan Orang Asli sangat unik dan mempunyai pelbagai teknik memasak antaranya menggunakan buluh, herba dan sebagainya. Hasil dapatan kajian ini didapati selari dengan kajian daripada Persatuan Siswazah Orang Asli Semenanjung Malaysia (2011) yang menyatakan bahawa makanan Orang Asli mempunyai pelbagai teknik masakan yang diwarisi sejak nenek moyang mereka dan antaranya ialah masakan di dalam buluh seperti nasi, ubi, daging, ikan, ayam dan lain-lain lagi.

Secara keseluruhannya, peserta kajian menyatakan bahawa kemahiran informal komuniti Orang Asli dalam bidang pelancongan dapat ditingkatkan dan disokong oleh peserta sokongan. Dapatan kajian ini juga turut disokong oleh kajian daripada Mohd Salleh et al., (2012) yang menyatakan bahawa pelancong juga mula menghargai budaya Orang Asli berdasarkan lima pusat dimensi iaitu setelah mereka melihat cara hidup, persekitaran, kesahihan, berinteraksi dengan Orang Asli serta mengalami sendiri pembelajaran informal.

Rumusan

Dari hasil kajian kes yang telah dijalankan mendapati komuniti Orang Asli Jakun, Kampung Peta memiliki beberapa kemahiran informal yang unik yang dilihat berupaya menarik minat pelancong. Namun, kemahiran informal mereka perlu dipertingkatkan agar ia mampu menjadi satu kelebihan dalam menarik kedatangan pelancong secara berterusan. Kerjasama pelbagai pihak adalah perlu terutama melibatkan peranan dari Perbadanan Taman Negara, pihak JAKOA, NGO dan ahli komuniti agar kemahiran informal mereka mampu menjadi tarikan dan pelengkap kepada aktiviti pelancongan eko di Taman Negara. Selain itu, pemantauan secara berterusan juga perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui peranan yang dimainkan oleh pihak JAKOA agar keupayaan dan kebolehan komuniti dapat diwarisi kepada generasi seterusnya sekaligus dapat meningkatkan sumber pendapatan mereka.

Penghargaan

Penyelidik mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (KPT) yang membiayai kos penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Vot 1606 dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kerana memberi kebenaran dan kelulusan.

Rujukan

- Adi bin Haji Taha, Hood bin Haji Salleh dan Rashid bin Esa. (2006). *Orang Asli: Khazanah Tersembunyi*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Ahmad Zam Zam, Q. (2015). Komodifikasi Budaya Orang Asli Dalam Pelancongan: Kelestarian Identiti Budaya Komuniti Orang Asli Di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Gerik, Perak. Dicapai pada <http://eprints.usm.my/30440/1/QAYHERAH.pdf>
- Bon, A. T., Abdullah, M. A., Othman, H., Mohd Salleh, B., Mustafa, S., Hashim, R., Abd Hadi, M. Y., Ahmad, N. N., & Sulaiman, A. (2003). *Kenali Kami Masyarakat Orang Asli*. 1st ed. Johor: Umida Industries Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Goodwin, H. dan Santilli, R. (2009). *Community-Based Tourism: a success?* (Pp.1-37).
- Hashim, S., Razali, M., & Jantan, R. (2006). *Psikologi Pendidikan*. 3rd ed. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Hinch, T. dan Butler, R. (2007). Introduction: Revisiting Common Ground. In R. Butler dan T. Hinch (Eds.), *Tourism And Indegenouse Peoples; Issues And Implications* (Pp. 2). USA: Elsevier Ltd. Jabatan

- Ibrahim, Y., Mohamad, S., & Ahmad, H. (2008). *Pelancongan Malaysia: Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persetempatan*. 1st ed. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), (2016, Oktober). Akta & Perundangan. Dicapai pada Oktober 15, 2016 dari JAKOA website via Kementerian dari <http://www.jakoa.gov.my/>
- Jamiran, M. N. S., Seow, T. W., & Mohamed, M. (2013). Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli di Malaysia. Dicapai pada Disember 2, 2016 dari http://eprints.uthm.edu.my/3997/1/PEMBANGUNAN_SOSIOEKONOMI_KOMUNITI_ORANG_ASLI.pdf
- Kalsom Kayat, Nor Ashikin Mohd Nor dan Mohamad Amin Mad Idris. (2004). Pelancongan dan Pembangunan Komuniti. Dalam Dalam Dani Salleh (Ed.), *Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia* (Pp. 150). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mathieson, A. dan Wall, G. (1991). *Pelancongan; Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial* (A. K. H. Din, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muzium Seni kraf Orang Asli: Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia (2005: Mac). *Laporan Program Pengumpulan Bahan Maklumat Hasil Seni Kraf Masyarakat Orang Asli dan Program Penyelidikan Awal Dokumentari Seni Tarian Masyarakat Asli Jakun*. 1st ed. Selangor: Muzium Pribumi Jabatan Muzium Malaysia.
- Mohd Salleh, N. H., Othman, R., Idris, S. H., Jaafar, A. H., & Selvaratnam, D. P. (2012). Kesan Pembangunan Pelancongan Terhadap Kelestarian Kehidupan Komuniti Orang Asli Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands. Dicapai pada Oktober 11, 2016 dari http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_4D2.pdf
- Mohd Sam, S. A. (2015). Kajian Amalan Budaya Orang Asli Suku Kaum Jakun di Kampung Peta. Dicapai pada Oktober 27, 2016 pada http://eprints.uthm.edu.my/7029/1/SITI_AMINAH_MOHD_SAM.pdf
- Mohammad Aslam, M. M., & Abdullah, S. (2004). Pembentukan Nilai – Nilai Murni Masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal. Dicapai pada November 4, 2016 dari <http://repo.uum.edu.my/1874/>
- Muzium Pribumi. (2007). *Profil Masyarakat Pribumi Mah Meri*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Muzium Seni kraf Orang Asli: Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia (2005: Mac). *Laporan Program Pengumpulan Bahan Maklumat Hasil Seni Kraf Masyarakat Orang Asli dan Program Penyelidikan Awal Dokumentari Seni Tarian Masyarakat Asli Jakun*. 1st ed. Selangor: Muzium Pribumi Jabatan Muzium Malaysia.
- Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen, Denmark: International Work Group for Indigenous Affairs.
- Norasmah Hj. Othman dan Mohd. Hasril Amiruddin. (2011). Isu dan Cabaran Masyarakat Orang Asli dalam menceburi Bidang Keusahawanan. Dalam Norasmah Hj. Othman, Halimatun Harun dan Radin Siti Aishah Radin A Rahman (Eds.), *Keusahawanan Pemangkin Kecemerlangan negara dan Kelestarian Hidup* (Pp. 195-196). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (2019). Definasi kraf. Sumber : Akta 222-Akta Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia 1979. Dicapai pada Mei 17, 2019 dari <https://www.kraftangan.gov.my/maklumat-kraf/bidang-kraf>.
- Persatuan Siswazah Orang Asli Semenanjung Malaysia (2011, Januari). *Masakan Orang Asli : Masakan Tradisional*. Dicapai pada November 11, 2016 dari

http://www.psoa.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=83:masakan-orang-asli-food&catid=35:artikel&Itemid=18

- Ramlee Abdullah. (2008). Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu. Dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill (Eds.), *Orang Asli; Isu, Transformasi dan Cabaran* (Pp. 46). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rohayu Roddin. (2016). Transformasi dan Kejayaan Komuniti Orang Asli Mah Meri Pulau Carey dalam Bidang Pelancongan. Tesis Doktor Falsafah. UTM Skudai.
- Sahdan, Z., Che Rose, R. A., & Ahmad, H. (2009). Perubahan Budaya Orang bateq dalam Situasi Ekopelancongan di Taman Negara. Dicapai pada November 4, 2016 dari https://www.academia.edu/8020369/Perubahan_Budaya_Orang_Bateq_dalam_Situasi_Ekopelancongan_di_Taman_Negara_Pahang
- Shaw, G. dan Williams, A. M. (1994). *Critical Issues in Tourism : A Geographical Perspective*. Oxford: Blackwell Publisher Ltd.
- Yahaya Ibrahim. (2008). Pelancongan Malaysia: Pembangunan Pemeraksanaan. Dalam Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad dan Habibah Ahmad (Eds.), *Pelancongan Malaysia; Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persempatan* (Pp. 17). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Yahaya Ibrahim. (2009). Komuniti, Pembangunan dan Transformasi. Dalam Yahaya Ibrahim (Ed.), *Komuniti Pembangunan dan Transformasi*. (Pp. 21-22). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.